

Isteri kaku dibangku bas

B/H - 10/11/2011 M6

Suami beralih tempat sebelum nahas dengan treler

Oleh Azida Shahrudin
dan Ahmad Othman
bhjb@harian.com.my

KOTA TINGGI: “Sebaik tersedar, saya mencarinya, namun luluh hati melihat jasad isteri terbujur kaku di tempat duduk yang remuk teruk,” rintih pemandu van yang kematian isteri selepas bas kilang ditumpang mereka bertembung treler berhampiran Pusat Latihan Tempur Tentera Darat di sini, malam kelmarin.

Dalam kemalangan jam 8.30 malam di Kilometer 25.5 Jalan Johor Bahru-Mersing itu, Saiful Arhan, 25, cedera ringan tetapi isterinya, Nor Haziena Sulaiman, 25, meninggal di tempat kejadian akibat cedera parah.

Tujuh lagi penumpang cedera akibat tercampak dan terperosok dalam bas, sejurus sebahagian dinding terkopak selepas bergesel dengan treler dari arah bertentangan.

Pemandu treler dan kelinjanya melarikan diri dan setakat ini belum membuat laporan polis.

“Mulanya saya duduk di sebelah isteri tetapi sebelum menghampiri tempat kejadian, saya pindah duduk bersebelahan pemandu bas. Ketika sampai di selekoh, tiba-tiba saya melihat sebuah treler dari arah bertentangan masuk laluan bas.

“Pemandu bas cuba mengelak ke kiri tetapi badan treler itu bergesel dinding bas se-



KEADAAN bas kilang yang digesel treler menyebabkan Nor Haziena (gambar kecil) maut di Jalan Johor Bahru-Mersing, Kota Tinggi, semalam.

belah kanan menyebabkan saya tercampak menerusi cermin depan yang pecah sebelum pengsan.

“Sejurus sedar, orang ramai sudah mengerumuni bas dan anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat serta polis sibuk membantu penumpang cedera.

“Mereka memaklumkan isteri saya sudah mati dan tidak benarkan saya melihatnya. Namun saya mendesak dan amat menyedihkan apabila melihat isteri terbujur kaku di tempat duduknya yang remuk,” katanya ketika ditemui di Unit Forensik Hospital Kota Tinggi, malam kelmarin.

Ketua Polis Daerah Kota Tinggi, Superintendan Osman Muhammad Sebot, berkata polis kini sedang mengesan pemandu dan kelinjanya dan treler itu.



SAIFUL Arhan ditenangkan saudaranya ketika menuntut jenazah isteri di Hospital Kota Tinggi, semalam.